

04 NOV 2000

Mahathir-Puisi

PERANAN PENYAIR AMAT BESAR DALAM ERA SIBER, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 4 Nov (Bernama) -- Penyair perlu menggunakan pengaruh mereka dalam era siber untuk mengubah pandangan masyarakat bagi menghadapi zaman itu demi masa depan agama, bangsa dan negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penyair mampu membangkitkan semangat masyarakat untuk membantu Malaysia mendapatkan manfaat daripada era itu.

"Penyair harus memerhati keadaan ini dan melalui puisi, mereka dapat membangkitkan semangat rakyat Malaysia supaya dalam era siber kita akan dapat manfaat daripadanya dan mungkin dapat mengejar bangsa yang lebih maju", katanya semasa merasmikan Hari Puisi Nasional XV di sini malam ini.

Seramai 250 peserta terdiri sasterawan dan penyair dari Afrika Selatan, Britain, wakil-wakil negara Asean seperti Indonesia, Brunei dan Thailand selain daripada Malaysia menyertai hari itu.

Hari Puisi itu merupakan perhimpunan rasmi para penyair nasional yang dimulakan sejak 1971 di Pantai Kundur, Tanjung Keling, Melaka dan yang terakhir di Seremban pada tahun lepas.

Katanya penyair perlu memahami perkembangan era siber yang membawa idea baru seperti globalisasi dan dunia tanpa sempadan dengan membangkitkan semangat masyarakat untuk menghadapinya.

Penyair perlu menumpukan perhatian mereka dengan perkembangan dalam era ini untuk membangkitkan semangat masyarakat untuk menguasai teknologi baru supaya tidak ketinggalan berbanding bangsa lain.

"Kita tahu pada satu ketika, dunia melalui era industri yang berlalu tanpa kita sedar. Mungkin era itu tidak menarik perhatian penyair untuk menulis puisi yang menarik dan kerana itu kita tidak mendapat faedah daripada era industri dan revolusi industri itu dan ketinggalan kerana asyik melayan persengketaan antara sesama kita", katanya.

Apabila memasuki era siber, penyair yang dapat menyedari kepentingannya akan dapat mempengaruhi budaya masyarakat di negara ini untuk mengambil bahagian serta bersedia menghadapi cabaran dalam era itu.

"Saya percaya apabila masyarakat sedar dan berusaha dengan kebolehan yang memang ada pada kita, InsyaAllah kita akan mencapai kejayaan", katanya.

Dr Mahathir berkata penyair mempunyai pengaruh yang amat besar dan jika mereka dapat menggunakan pengaruh itu untuk kebaikan bangsa, agama dan negara di zaman ini, beliau yakin mereka akan terus disanjung tinggi oleh masyarakat kerana sumbangan mereka terhadap pembangunan masyarakat.

Katanya puisi merupakan pati pemikiran yang amat luas yang dapat mendorong masyarakat menentukan pendirian mereka bagi berusaha membawa perubahan positif kepada kemajuan negara.

Dr Mahathir kelihatan sebak apabila sekumpulan penyair membacakan puisi yang ditujukan kepada beliau bertajuk "Warga Berjiwa Besar".

Puisi itu dibacakan oleh gabungan penyair yang pernah memenangi Sayembara Puisi Hari Kebangsaan sebelum ini.

Di majlis itu, Dr Mahathir juga menyampaikan hadiah Tokoh Penyair GAPENA 2000 kepada Ahmad Ariffin atau nama penanya Afrini Adham, 73, dari Kedah.

-- BERNAMA

NH RI